

Headline	Pusat hemodialisis, vaksin pelengkap rawatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Supplement	Page No	13
ArticleSize	545 cm ²	Journalist	Nasutia Badrul
PR Value	RM 56,360		



Pusat hemodialisis, vaksin pelengkap rawatan

→ Pusat Perubatan Pakar Sri Kota tawar khidmat rundingan terbaik

Oleh **Nasuha Badrul Huzaini**
nasuha@bh.com.my

Pusat Perubatan Pakar Sri Kota melancarkan dua kemudahan baharu yang ditawarkan iaitu pusat hemodialisis dan pusat vaksin di Klang, Selangor baru-baru ini.

Pengarah pusat perubatan berkenaan, Tan Suet Guan, berkata sebagai penyedia penjagaan kesihatan kepada komuniti, pihaknya sedia maklum mengenai peningkatan kes membatikan kerosakan buah pinggang tahap akhir.

Beliau berkata, ini berikutan laporan daripada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, mendapati sejumlah 30,000 pesakit buah

pinggang menjalani rawatan dialisis kini.

Katanya, laporan itu juga menjangkakan jumlah berkenaan meningkat dengan anggaran sehingga 6,000 pesakit setiap tahun.

“Diabetes dan tekanan darah tinggi dikenal pasti menjadi dua faktor utama menyebabkan pesakit mengalami kerosakan buah pinggang.

“Keadaan ini menyumbang kepada lebih 60 peratus kes baharu membatikan pesakit yang menjalani dialisis di negara ini,” katanya ketika majlis pelancaran pusat berkenaan di Klang, Selangor baru-baru ini.

Tingkat **keselesaian pesakit**

Mengulas lanjut, beliau berkata pusat hemodialisis yang dilancarkan itu sudah menjalani penambahbaikan bagi memastikan keselesaan pesakit di samping meningkatkan kualiti rawatan yang ditawarkan.

“Pusat hemodialisis berkenaan mempunyai tiga pakar nefrologi yang akan melawat pesakit mengikut

jadual. Unit berkenaan juga disokong oleh sekumpulan kakitangan terlatih dan berdedikasi.

“Kami akan mengedarkan buku berkaitan pencegahan dan pengesanan

awal penyakit buah pinggang kepada pesakit dan orang ramai bertujuan memberikan kesedaran awal pencegahan dan rawatan terbaik,” katanya.

Pusat hemodialisis berkenaan juga adalah panel beberapa organisasi termasuklah Majlis Perbandaran Klang, Pusat Zakat, Tenaga Nasional Berhad dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pusat vaksin semak profil individu

Dilengkapi dengan 22 kerusi rawatan dialisis yang boleh digunakan untuk pesakit yang duduk di wad ataupun

pesakit luar. Dua daripada kerusi rawatan direka khas untuk kes terencil seperti Hepatitis B dan Hepatitis C.

Sementara itu, pusat vaksin yang dilancarkan pula adalah yang pertama ditawarkan di daerah Klang.

Tan berkata, ia mempunyai teknologi dan kepakaran untuk menyemak profil individu termasuklah latar belakang demografi, gaya hidup, keadaan kesihatan berisiko tinggi dan juga perancangan untuk melancong.

“Menerusi maklumat yang diperolehi, pihak hospital berupaya mencadangkan vaksin yang sesuai untuk seseorang individu itu,” katanya.

Headline	Pusat hemodialisis, vaksin pelengkap rawatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Supplement	Page No	13
ArticleSize	545 cm ²	Journalist	Nasutia Badrul
PR Value	RM 56,360		



Tan (kiri) bersama pegawai kanan hospital **membuat tinjauan pesakit yang mendapatkan rawatan hemodialisis** pada pelancaran Pusat Hemodialisis dan Vaksin di Pusat Perubatan Pakar Sri Kota, Klang.

Headline	Pusat hemodialisis, vaksin pelengkap rawatan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Nov 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Supplement	Page No	13
ArticleSize	545 cm ²	Journalist	Nasutia Badrul
PR Value	RM 56,360		

Info

- **Pusat Vaksin**
menawarkan vaksin untuk orang dewasa dan kanak-kanak.
- **Untuk mendapatkan vaksin bayi dan kanak-kanak**, ibu bapa perlu membuat janji temu terlebih dulu dengan menghubungi pusat berkenaan.



6,000

anggaran pesakit buah pinggang meningkat setiap tahun.